

Pencegahan Penyakit Berjangkit (Covid 19), Kesan dan Hikmahnya Menurut Perspektif Islam

Shafiza Safie (Corresponding author)¹ & Zulkifli Mohamed²

Email: ¹shafizasafie@yahoo.com & ²zulkifli030@uitm.edu.my

¹Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

²Profesor Madya di Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Abstrak

Penyakit berjangkit merupakan suatu penyakit yang sudah lama berlaku sejak zaman Nabi SAW lagi dan bukanlah perkara baru. Islam juga telah menetapkan kaedah, langkah pencegahan dan menjelaskan juga kesan serta hikmah di sebalik ujian ini. Perihal ini boleh dilihat dalam sumber rujukan Islam seperti al-Quran, Hadis dan sebagainya. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengetahui dalil dan kaedah dari sumber Islam yang dimaksudkan berkaitan penyakit berjangkit seperti Covid 19, menjelaskan langkah-langkah pencegahan dari penyakit merbahaya ini, kesan dan hikmahnya menurut perspektif Islam. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data melalui kepustakaan manakala analisis dokumen digunakan bagi metode analisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa agama Islam merupakan agama syumul yang memandu manusia ke jalan yang benar termasuk juga dalam mendepani wabak berbahaya seperti Covid 19 dengan membawakan dalil-dalil dari sumber Islam sebagai panduan termasuk langkah pencegahan, kesan dan juga hikmah yang tersembunyi di sebalik wabak pandemik dunia Covid 19 ini.

Kata Kunci: *Penyakit, Covid 19, Islam, Pencegahan, Hikmah*

Prevention of Infectious Disease (COVID-19), the Effects and Insights from the Perspective of Islam

Abstract

Infectious diseases have been happening for a long time since the time of the Prophet Muhammad PBUH and it is not a new thing. Islam has also established methods, preventive measures and explained the effects and insights behind this challenge. The evidence can be seen in Islamic authorize sources such as the Quran, Hadith and others. Thus, this study aims to find out the propositions and methods from Islamic authorize sources that are related to infectious diseases such as Covid-19, explaining the preventive measures from this dangerous disease, its effects and insights according to the Islamic perspective. The research design of this study is qualitative by using data collection methods through the library while documents analysis is used for data analysis method. The results showed that Islam is a comprehensive religion that guides people to the right path, including in the face of dangerous pandemic such as Covid-19 by bringing arguments from Islamic authorize sources as a guidance including preventive measures, effects and insights from pandemic Covid-19.

Keywords: Disease, Covid-19, Islam, Prevention, Insight, Effect

1. Pendahuluan

Islam Dalam Mendepani Wabak Pandemik Dunia

Sumber Islam ialah sumber yang syumul yang memberi panduan kehidupan buat manusia dalam semua aspek termasuk juga dalam aspek kesihatan seperti dalam mendepani penyakit Covid 19. Islam menetapkan beberapa kaedah yang boleh diambil dalam menyelesaikan Hadis-hadis yang saling bercanggah berkenaan perihal penyakit berjangkit di dalam Islam. Antara manhaj atau metode yang boleh digunakan ialah menyatukan dan mengharmonikan, al-naskh, pentarjihan, tawaquf dan lain-lain. Dalam konteks Hadis bagi kajian ini, manhaj yang boleh digunakan ialah menyatukan dan mengharmonikan. Berdasarkan contoh Hadis-hadis berikut:

لا عدوى ولا طيرة

Maksudnya: “Tidak ada penyakit menular dan tidak ada thiyarah.”

فر من المجذوم فرارك من الاسد

Maksudnya: “Larilah dari orang yang berpenyakit kusta sebagaimana larimu dari singa.”

Menurut Muhammad Mukhlis & Zulkifli Yusoff (2015) berdasarkan dua Hadis tersebut, metode yang digunakan ialah metode menyatukan dan mengharmonikan. Pada zahirnya, kedua-dua Hadis ini adalah saling bercanggah di mana Hadis pertama menyatakan bahawa tiada penyakit yang menular sedangkan Hadis kedua sebaliknya. Para ulama telah menyatukan kedua Hadis tersebut dengan menyatakan bahawa pada dasarnya, penyakit-penyakit ini tidak menular tanpa izin Allah SWT, namun Allah SWT menjadikan percampuran antara orang sakit dengan yang sihat sebagai sebab berlakunya penularan.

Hadis pertama merupakan penafian penularan suatu penyakit secara semula jadi dan Hadis kedua merupakan perintah untuk manusia lari dari penyakit dikategorikan sebagai salah satu bahagian dari *sad al-zara'i* (tindakan pencegahan) agar penyakit tersebut tidak merebak. Jika ia merebak, maka ianya kerana takdir Allah SWT dan bukan semata-mata disebabkan oleh penyakit tersebut lalu menganggap dan yakin bahawa penularan tersebut berlaku kerana hanya disebabkan oleh percampuran.

2. Metodologi

Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data melalui kepustakaan manakala analisis dokumen digunakan bagi metode analisis data. Ia bagi mengambil dalil-dalil berkenaan perihail penyakit berjangkit serta kaedah dalam menyelesaikan masalah tersebut. Selain itu dalil-dalil dari sumber Islam seperti al-Quran, Hadis dan sebagainya turut digunakan bagi menjawab kepada langkah-langkah pencegahan dari penyakit berjangkit seperti Covid 19, kesan serta hikmahnya menurut perspektif Islam.

3. Langkah Pencegahan Covid 19 Menurut Perspektif Islam

Pandemik Covid 19 merupakan penyakit yang merbahaya. Justeru langkah pencegahannya dibahagikan kepada 3 iaitu diri/ individu, masyarakat dan negara. Ianya sebagaimana berikut:

Diri/ Individu

Pencegahan dari penyakit Covid 19 ini, ia boleh dilihat dari 3 sudut iaitu sebelum, semasa dan selepas. WHO menyarankan bahawa manusia mesti selalu menjaga kebersihan tangan (mencuci tangan dengan sabun atau antiseptik) dan lingkungan sekitar. Selain itu menjaga kebersihan setelah bepergian (mandi) secara teratur dan mandi setelah bepergian. Kemudian menerapkan etika batuk dan bersin dengan memakai penutup muka. Setiap orang juga disarankan untuk selalu menjaga jarak dengan orang sekeliling dan menjauhi keramaian. Setiap orang juga perlu memiliki dan memahami pengetahuan tentang Virus Covid 19 (Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman, 2020).

Antara langkah pencegahan yang boleh diambil lagi ialah dengan mengamalkan disiplin dalam perlindungan diri yang betul. Ini kerana (JAKIM (2020: 6) ada memberi panduan bagi pencegahan daripada penyakit Covid 19 ini dengan mengamalkan perlindungan diri yang betul dan baik iaitu dengan duduk di rumah melainkan jika mempunyai keperluan yang menuntut untuk keluar rumah. Maka hendaklah merancang untuk mendapatkan barangan keperluan dengan teliti supaya dapat membeli barang dengan secukupnya bagi mengelak kerap keluar dari rumah. Ini sejajar dengan Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Keselamatan bagi seseorang itu pada zaman fitnah (terutama penyakit berjangkit) ialah bahawa dia menempatkan diri di dalam rumahnya. (Sahih al-Jami' al-Soghir: 3649).

Manakala langkah pencegahan setelah terkena penyakit Covid 19 pula ialah dengan mendapatkan rawatan agar ianya sembuh dan tidak merebak kepada orang lain. Dalam erti kata tidak menjadi pembawa

kepada penyakit tersebut. Kesemua ini seiring dengan larangan Allah SWT terhadap perbuatan yang mendedahkan kepada kemudharatan iaitu menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195:

... وَلَا تَلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ ...

Maksudnya:... dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebiasaan..

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Islam menganjurkan umatnya agar menghindari kemudharatan dan melarang umatnya daripada mendekati diri dari tempat-tempat yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit. Ini sebagai langkah awal untuk mengelak dari penularan sesuatu wabak dari terus menjangkiti orang lain. Perkara ini adalah termasuk dengan segala upaya untuk menghindari wabak penyakit termasuk mengambil risiko untuk menghindari bahaya yang lebih besar. Selain itu tidak memasuki kawasan wabak dan bagi penduduk yang berada dalam kawasan wabak tersebut pula hendaklah tidak keluar dari tempat tersebut. Hal ini sepertimana Hadis yang diriwayatkan oleh Sa'd Ibn Abi Waqqash R.A beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

Maksudnya: Apabila kamu mendengar bahawa taun menimpa sesuatu tempat maka janganlah kamu masuk ke dalam kawasan tersebut. Dan apabila kamu berada di dalam kawasan yang terdapat padanya taun, janganlah kamu keluar daripadanya.

Berdasarkan Hadis di atas, dapat diketahui bahawa Rasulullah SAW sendiri telah menunjukkan langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil sebelum dan selepas seseorang itu terlibat dengan penyakit berjangkit. Disini dapat difahami bahawa jika seseorang telah mengetahui tentang penularan wabak di sesuatu tempat tertentu, maka tidak diharuskan bagi mereka pergi ke tempat tersebut. Hal ini bagi mengelakkan daripada turut dijangkiti. Sekiranya, seseorang itu telah berada di dalam kawasan yang telah terkena wabak, cara pencegahan terbaik yang boleh dilakukan ialah tidak seharusnya mereka keluar dari kawasan tersebut. Ini bertujuan untuk membendung wabak tersebut daripada menular ke tempat lain (JAKIM, 2020: 24).

Langkah pencegahan juga ialah dengan tidak bersentuhan dengan si pesakit. Ini kerana terdapat satu kisah pada zaman Nabi Muhammad SAW di mana Baginda didatangi sekumpulan orang dari kalangan Bani Thaqif yang datang untuk berba'iah dan salah seorang daripada mereka dijangkiti penyakit berjangkit lalu Nabi Muhammad SAW tidak bersentuhan dengannya dan mengutuskannya serta bersabda: "Sesungguhnya kami telah menerima ba'iah kamu, maka pulanglah."

Fungsi Hadis ini adalah menunjukkan apabila sesuatu penyakit merbahaya yang mudah merebak melanda satu kawasan atau lebih terkenal dalam istilah perubatan sebagai kuarantin, maka kita hendaklah berdiam diri di dalam kediaman dan tidak kemana-mana. Maka dengan sebab inilah jika ada yang dijangkiti dengan penyakit tersebut maka tidak boleh bersentuhan dengannya. Ini kerana ia menjadi punca penyebaran wabak. Justeru bagi mengelak penyebaran wabak ini secara meluas maka lapangan terbang, institusi kerajaan, institusi pendidikan semuanya ditutup kerana tidak mahu penyakit ini berjangkit kepada orang lain.

Seterusnya, ajaran Islam juga menganjurkan agar mendapatkan rawatan sekiranya didapati mempunyai simptom penyakit atau wabak. Berubat sekiranya dijangkiti penyakit ini merupakan perkara yang disyariatkan, dan hukumnya adalah mustahab (sangat dituntut) dan perkara ini dalam beberapa keadaan boleh dijatuhkan hukum wajib. Perkara ini adalah berasaskan kepada dalil berikut:

نَدَاوُوا فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً غَيْرَ دَاءٍ وَاجِدِ الْهَرَمَ

Maksudnya: Berubatlah kamu, sesungguhnya Allah SWT tidak menurunkan suatu penyakit melainkan diturunkan juga ubatnya melainkan satu penyakit sahaja, iaitu ketuaan. (Hadis Riwayat Abu Daud)

Manakala langkah pencegahan setelah di bimbangi terkena wabak ialah dengan mengkuarantinkan diri dari bercampur dengan orang yang sihat. Di samping itu menurut JAKIM (2020: 6) langkah pencegahan ketika bergejala pula ialah dengan mengasingkan diri, berdoa dan bertawakkal kepada Allah SWT, sentiasa mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak kesihatan, segera mendapatkan pertolongan atau bantuan yang tepat dan tidak dibenarkan untuk hadir solat secara berjemaah.

Namun jika orang lain pula terkena penyakit ini, JAKIM (2020: 11) juga menyarankan agar umat Islam berdoa agar Allah SWT menyembuhkan mereka yang bergejala, meminta orang lain supaya turut mendoakan mereka yang bergejala, bersedekah dengan harapan agar Allah SWT menyembuhkan mereka, memastikan mereka berada dalam keadaan baik, sentiasa optimis dan tidak berputus asa dan seterusnya membantu mereka dengan pelbagai cara yang boleh di samping memastikan keselamatan diri dan orang lain terjaga.

Negara

Bagi negara pula, hampir seluruh negara melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang mana semua premis perniagaan diarahkan tutup kecuali premis tertentu, pusat pendidikan seperti sekolah dan pusat pengajian tinggi juga diarahkan tutup. Langkah kuarantin ini adalah sangat baik dan perkara ini pernah dilaksanakan terlebih dahulu pada zaman Nabi Muhammad SAW iaitu ketika penyakit kusta melanda. Bukan itu sahaja, rakyat tidak dibenarkan untuk merentas daerah lain dan diarahkan untuk kekal di negeri masing-masing. Perkara ini amat bertepatan dengan ajaran Islam yang melarang untuk masuk ke kawasan yang terkena penyakit dan begitu sebaliknya. Tujuan perkara ini dilaksanakan adalah untuk mengelakkan daripada berlaku kemudharatan yang lebih besar.

Justeru, berdasarkan Hadis diatas dapat kita lihat bahawa langkah pencegahan terbaik di sini ialah menghalang daripada menghampiri tempat wujudnya wabak dan kekal di tempat wujudnya wabak adalah umpama satu langkah kuarantin yang terbaik bagi mengelakkan daripada berlakunya kemudharatan yang lebih besar.

Justeru perkara ini dilakukan untuk mengelakkan kemudharatan yang lebih dahsyat sepertimana kaedah Fekah berikut :

إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ رُوِيَ أَعْظَمُهُمَا ضَرَرًا بِإِزْتِجَابِ أَحَقِّهِمَا

Maksudnya: Apabila bertembungnya dua mafsadah, maka dipelihara (ditolak) mudarat yang paling besar dengan melakukan mudarat yang lebih ringan.

Peranan pihak berwajib yang diarahkan oleh kerajaan di waktu penyakit berjangkit melanda adalah baik untuk didengar dan taat kepada arahan pemimpin selagi mana ia tidak menyalahi syarak untuk kemaslahatan bersama. Menurut JAKIM (2020) majoriti negara mengambil langkah pencegahan sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam dengan menutup pintu sempadan negara, memberhentikan dan menanggukuhkan penerbangan, menanggukuhkan pengajian, mengenakan kuarantin, menghalang perhimpunan awam, sehingga menutup semua masjid, menghalang semua faktor yang membawa kepada penularan penyakit, kesemuanya adalah demi keselamatan dan ia juga selaras dengan nasihat pakar perubatan bagi mengekang penularan wabak Covid 19 ini.

Ini seiring dengan dalil Al-Quran menerusi surah al-Nahl ayat 43 :

... فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: ...Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.

Selain itu, JAKIM (2020: 6) juga menyarankan agar menjauhi tempat-tempat berisiko iaitu dengan mengelak tempat-tempat yang sesak dan berisiko. Kemudian melakukan penjarakan sosial dengan sentiasa memastikan penjarakan diri 1 meter dari orang lain dalam semua keadaan dan yang terakhir ialah mengambil langkah berhati-hati dan pencegahan sekiranya ingin keluar rumah dengan memakai penutup muka dengan betul dan

membuangnya ke tempat pembuangan sampah yang betul bagi mengelak tersebarnya penyakit ini. Selain itu mengelakkan dari menyentuh mata, hidung dan mulut serta menggunakan hand sanitizer dan kerap membasuh tangan terutama apabila balik ke rumah.

Ia juga seiring dengan saranan, pesanan dan nasihat pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari masa ke masa seperti kerapkan mengguna hand Sanitizer dan juga menggunakan penutup muka. Perkara ini perlu dititik beratkan agar kesemua masyarakat tidak mengambil mudah terhadap saranan yang di keluarkan oleh KKM. Ini juga seiring dengan langkah yang disarankan oleh *Health Organization* (WHO) 2020, antaranya ialah penjarakan sosial. Walau bagaimanapun, penularan virus ini seakan-akan tiada titik noktahnya sehingga WHO melabelkan virus ini sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 (Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman, 2020).

Ketua Pengarah JAKIM (2020: 3) juga turut mengingatkan kepada kita bahawa penularan pandemik dunia Covid 19 ini memerlukan kepada kaedah pencegahan yang seiring dengan tuntutan syarak. Ia juga selari dengan prinsip Islam yang menekankan pencegahan adalah lebih baik daripada merawat. Langkah-langkah pencegahan dengan membendung penyakit ini adalah lebih diutamakan sebelum ia merebak dengan lebih teruk lagi dan tidak terkawal. Hal ini juga seiring dengan pendapat Dr Ahmad Nasir Mohd Yusoff (2020) yang menyatakan bahawa maqasid syariah yang menekankan keselamatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dalam situasi pandemik Covid 19 ini, memelihara nyawa (hifz an-nafs) amat bersangkutan paut antara satu sama lain. Situasi ini semakin getir apabila statistik kematian semakin bertambah dan pesakit ini juga bertambah dari semasa ke semasa. Justeru masyarakat seharusnya memahami prinsip memelihara nyawa itu sangat penting, mustahak dan perlu diutamakan dalam menghadapi penyakit pandemik Covid 19 ini.

4. Kesan Covid 19 Menurut Perspektif Islam

Apabila berlakunya Covid 19, ia telah memberikan kesan yang besar kepada dunia termasuklah negara kita. Antara kesan yang dikenal pasti berlaku antaranya ialah kepada diri, rakyat dan ekonomi.

Diri

Apabila seseorang individu terkena Covid 19 maka ia dapat menyebabkan gangguan ringan pada sistem pernafasan, infeksi paru-paru yang berat hingga pada kematian. (Asy'ari, 2020). Selain itu ia juga mudah berjangkit daripada seseorang yang bergejala (seperti demam, batuk, dan sesak nafas) kepada seseorang yang lain melalui batuk atau bersin. Walaupun tanda-tanda gejala pada seseorang yang telah dijangkiti belum kelihatan, namun ia berpotensi untuk menjangkiti orang lain. Virus ini disifatkan berbahaya kerana ia bukan sahaja mudah berjangkit, malah orang yang dijangkiti juga terdedah kepada risiko kematian memandangkan vaksin untuk merawatnya masih belum ditemui. Di kebanyakan negara, perintah darurat atau kuarantin untuk mengelak penularan penyakit ini turut memberi kesan kepada pelakuan dan psikologi manusia seperti kemurungan, gemuruh dan stress (Ghani, 2020). Selain itu ia juga boleh dilihat pada sikap masyarakat yang menjadi lebih over-protektif. Kekhawatiran terhadap Covid 19 memberikan pengaruh terhadap sikap sosial setiap individu khususnya terhadap proses interaksi sosial yang dilakukan setiap individu. Menurut masyarakat kini, tidak berjumpa secara bersemuka itu adalah lebih baik (Siti Rahma Harahap, 2020). Secara umum kesan pada diri setelah dijangkiti virus ini juga adalah mereka mengalami demam tinggi di atas suhu 38 darjah, mengalami batuk, sesak nafas yang kebiasaannya mengambil masa dua minggu (Asy'ari, 2020).

Rakyat

Kesan pada rakyat ialah rakyat kehilangan sumber pendapatan untuk menyara hidup. Namun begitu rakyat menjadi lebih bersatu padu. Ini disebabkan oleh sumber kerajaan tidak mencukupi kerana kos mentadbir negara yang semakin meningkat, maka masyarakat itu sendiri perlu memainkan peranan untuk membantu mereka yang lebih susah. Ini seiring dengan ajaran Islam yang perlu dipraktikkan jika kerajaan kekurangan sumber untuk memenuhi tanggungjawab sosial (fard kifayah) terhadap rakyat. Hal ini adalah kerana terdapat galakan dan tanggungjawab bagi seseorang yang beragama Islam untuk membantu saudara mereka yang berada dalam kesusahan dengan menyumbang harta. Galakan terhadap amalan tersebut dibuktikan dengan firman Allah SWT menerusi surah Ali-Imran, ayat 92 yang bermaksud:

“Kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan sebahagian daripada harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya

Allah mengetahui” (Ali-Imran, 3: 92)

Ekonomi

Korona Virus ini turut mempengaruhi perekonomian negara. Bahkan saat ini perekonomian dunia mengalami tekanan berat yang diakibatkan oleh virus tersebut (Chairul Iksan Burhanuddin & Muhammad Nur Abdi, 2020). Aspek ekonomi pula adalah seperti pengangkutan, pendidikan, dan pendapatan dan pengagihan (Nurul Adila, 2020). Di Malaysia misalnya, antara sektor ekonomi yang terkesan secara langsung akibat perintah kawalan pergerakan (PKP) Covid 19 adalah sektor pemprosesan makanan dan minuman, sektor pertanian, peruncitan, pengangkutan dan pembinaan, dan sektor pelancongan. Ini menyebabkan ekonomi Malaysia merudum (Saari, 2020; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Dalam senario ekonomi global yang merundum ketika ini akibat merebaknya wabak Covid 19 telah memberi impak yang amat membimbangkan. Golongan yang paling terkesan daripada Covid 19 ketika ini ialah mereka yang berpendapatan rendah iaitu kumpulan B40 dan M40. Ketika ini impak kepada golongan ini menjadi isu utama negara yang perlu ditangani segera. Seandainya peranan waqaf telah diperkasa dan diinstitusikan sudah tentu isu-isu sosio-ekonomi ummah dapat didepani dan ditangani tanpa mengganggu dasar fizikal negara. Tidak dapat disangkal lagi bahawa impak waqaf dalam meningkatkan sosio ekonomi ummah amat signifikan dan berimpak tinggi. Pengalaman institusi waqaf yang dilalui oleh beberapa negara-negara Islam ternyata telah membuahkan keberhasilan yang luar biasa. Objektif utama waqaf untuk kegiatan pemberdayaan sosio ekonomi dengan tujuan peningkatan kesejahteraan melalui *capacity building*, begitu terserlah. Asas kepada perlaksanaan sistem waqaf adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan sosio ekonomi masyarakat. Dalam masa yang sama membudayakan institusi waqaf dalam sistem ekonomi merupakan satu proses pembentukan keimanan agar masyarakat Islam secara umumnya memiliki kekentalan mental dan spiritual serta berdaya saing dalam hal-hal kemakmuran dan kesejahteraan kehidupan dunia dan akhirat.

5. Hikmah Covid 19 Menurut Perspektif Islam

Setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Di sebalik musibah pada hakikatnya datangnya dari perbuatan tidak baik manusia itu sendiri. Ini sebagaimana firman Allah SWT menerusi surah al-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

Hikmah dengan berlakunya Covid 19 ini dapat dilihat sama ada melalui diri/ individu, masyarakat, alam sekitar dan negara. Ia sebagaimana berikut:

Diri/ Individu

Antara hikmah Covid 19 adalah pertama ialah untuk memperbetulkan manusia. Ini kerana kadangkala ujian dan cubaan akan mendorong manusia untuk bertaubat dan memohon ampun kepada Allah SWT seterusnya kembali ke jalan yang benar. Ini sebagaimana firmanNya dalam surah Al-Baqarah ayat 216:

... وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:...dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.

Menurut JAKIM (2020: 26) segala cubaan dan ujian ini merupakan sebahagian daripada sunnatullah di muka bumi ini. Boleh jadi buruk pada pandangan dan pengetahuan manusia sebenarnya merupakan suatu rahmat Allah SWT yang apabila mereka berusaha menghadapi ujian dan cubaan tersebut dengan sebaik mungkin maka rahmat Allah SWT diperolehi. Ini diertikan juga apabila mereka menghadapinya dengan bersabar dan melakukan amal soleh. Ketika mana Allah SWT menguji hambanya dengan sesuatu yang tidak diingini, pada masa itu juga Allah SWT membuka pintu-pintu rahmatNya dan kebaikan di sebalik ujian yang diturunkan tersebut.

Hikmah kedua ialah dalam konteks menghadapi gelombang pandemik dunia Covid 19 ini, Allah SWT telah menyediakan pahala buat penghidap penyakit ini yang bersabar manakala bagi yang meninggal dunia kerana penyakit ini mereka diberikan Allah SWT dengan pahala syahid. Manakala bagi para petugas dan pekerja barisan hadapan yang sedaya mampu membendung penyakit ini daripada menular maka bagi mereka juga diberikan pahala sedekah kerana telah menolong dalam perkara kebaikan dan atas dasar takwa. Bagi umat Islam secara keseluruhan pula mereka akan diganjar pahala kerana berdoa dan kerana kesungguhan mereka menjaga kesihatan diri, keluarga, kaum kerabat dan lain-lain. Inilah maksud sebenar dalam pegangan akidah Islam yang menyebutkan: Ketentuan baik dan buruk kesemuanya dari Allah SWT. Ia juga dapat difahami dari maksud Hadis Nabi SAW:

Diriwayatkan oleh Muslim, dari Abi Yahya Suhaib bin Sinan, Rasulullah SAW bersabda: Amat menakjubkan bagi setiap perkara berkaitan seseorang Mukmin, bahawa setiap perkara berkaitannya, keseluruhannya adalah baik. Tidak memperoleh perkara demikian melainkan hanya kepada seorang Mukmin. Sekiranya dia memperoleh kebaikan, dia akan bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Sekiranya dia ditimpa kesukaran, dia akan bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya. (Riwayat Muslim: 2999)

Menurut JAKIM (2020: 27) kebaikan hanya diperolehi kepada hamba Allah SWT yang redha dengan ketentuanNya iaitu dengan sabar dan bersyukur dengan semua yang menimpa diri dalam hidup ini. Hal ini juga dapat dilihat menerusi Hadis daripada Umm Al-Mukminin ‘Aishah R.ha:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَتْ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الطَّاعُونَ، فَأَخْبَرَنِي "أَنَّ عَذَابَ يَبْعَثُهُ اللَّهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ، وَأَنَّ اللَّهَ جَعَلَهُ رَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ، لَيْسَ مِنْ أَحَدٍ يَفْعُ الطَّاعُونَ، فَيَمُوتُ فِي بَلَدِهِ - وَفِي رِوَايَةِ أَحْمَدَ: فَيَمُوتُ فِي بَيْتِهِ - صَابِرًا مُخْتَسِبًا، يَعْلَمُ أَنَّهُ لَا يُصِيبُهُ إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ، إِلَّا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ شَهِيدٍ"

Maksudnya: "Daripada Aishah R.ha yang merupakan isteri Nabi SAW, beliau berkata: "Aku bertanya Rasulullah SAW mengenai (penyakit) taun. Baginda SAW memberitahu kepadaku: "Sesungguhnya ia merupakan azab yang Allah hantar kepada sesiapa yang dia kehendaki. Sesungguhnya Allah menjadikannya rahmat kepada orang-orang yang beriman. Tiada seorangpun yang berlaku taun (di tempatnya), lalu dia kekal berada di tempatnya – dalam Riwayat Al-Imam Ahmad: Kekal berada dalam rumahnya - dalam keadaan sabar serta mengharap (pahala atau kesembuhan dari Allah) dengan dia percaya bahawa tidak menimpanya melainkan apa yang Allah tetapkan untuknya, maka baginya seperti pahala seorang syahid".

Menurut Mufti Perlis (2020) menyatakan berdasarkan Hadis ini, ulama membahaskan berkenaan dengan keredhaan menerima ujian Allah SWT dan sabar. Jelas melalui Hadis ini juga, pahala syahid diberikan oleh Allah SWT kepada orang yang berdiam diri di tempat di mana dia berada. Ini adalah jaminan yang diberikan kepada mereka yang hidup, apatah lagi mereka yang terkorban kerana penyakit-penyakit seperti ini. Mereka yang menetap di dalam rumah dalam tempoh wabak berlaku dengan penuh kesabaran dan mengharap pahala, setelah mengambil semua usaha dan daya bagi menjaga keselamatan diri dan kemudiannya meyakini bahawa tidak ada yang menimpa dirinya melainkan ia merupakan ketentuan Allah SWT, maka dirinya akan mendapat pahala syahid sekalipun dia tidak mati disebabkan wabak tersebut.

Masyarakat

Hikmah dari penyakit Covid 19 ini ialah mengingatkan manusia agar bertaubat dan kembali kepada Allah SWT. Penyakit ini adalah salah satu jenis balasan yang disegerakan oleh Allah SWT agar hambaNya segera kembali

bertaubat dengan mengakui kesilapan dan bangkit semula daripada kelalaian. Ini sebagaimana firman Allah SWT menerusi surah Al-An'am ayat 42:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَىٰ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَخَذْنَاهُم بِالْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ لَعَلَّهُمْ يَتَضَرَّعُونَ

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya Kami telah utuskan Rasul-rasul kepada umat-umat yang dahulu daripadamu (lalu mereka mendustakannya), maka kami seksakan mereka dengan kebuluran dan penyakit, supaya mereka berdo'a (kepada Kami) dengan merendahkan diri (serta insaf dan bertaubat).

Menurut JAKIM (2020: 28) seseorang mukmin yang diuji, mereka bersabar dan menjadikan mereka insaf dengan dosa-dosa yang telah dikerjakan serta bertaubat kepada Allah SWT dengan penuh rasa kehambaan dan tawaduk mengharapkan keampunannya sekaligus mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT. Ianya akan menjadi sebab kepada pelupusan segala kesalahan ataupun dosa yang ada pada diri si penanggung seterusnya diangkat darjat oleh Allah SWT. Ini sebagaimana Hadis yang diriwayatkan oleh Abi Saïd al-Khudri RA dan Abu Hurairah RA di mana mereka berdua telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Tidaklah seseorang Mukmin yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kecelakaan dan kesedihan, sehingga dukacita yang membelenggunya, melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya.

Hikmah seterusnya ialah bagi menyedarkan manusia bahawa mereka kerdil di sisi Allah SWT. Ini sebagaimana Ilyas Rifa'i et al. (2020) menyatakan bahawa begitu lemahnya manusia di hadapan Allah SWT walaupun terkadang manusia sering merasa hebat dengan ilmu, kekayaan, dan kekuasaan yang dimiliki. Bahkan ada sesetengahnya yang merasa lebih hebat dan lebih besar dari Allah SWT. Padahal dalam Al-Quran jelas menunjukkan hakikat kejadian manusia itu adalah lemah dan tidak seharusnya mendabik dada dengan kesombongan. Firman Allah SWT menerusi surah an-Nisa ayat 28:

... وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا

Maksudnya: ...kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah

Alam Sekitar

Hikmah dari penyakit Covid 19 ini ialah alam kembali pulih. Menurut Pusat Alam Sekitar Global (GEC) (2020) menerusi laporan media menyatakan peningkatan kualiti air sungai dapat dilihat terutama di Sungai Gombak, Sungai Way dan lain-lain lagi di seluruh negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang dikuat kuasakan oleh kerajaan sejak 18 Mac 2020 lalu bagi memutuskan rantaian jangkitan Covid 19.

Negara

Hikmah penyakit ini kepada negara ialah memupuk sikap kerjasama dari semua pihak. Ini sebagaimana Titik Respati dan Hilmi Sulaiman Rathomi (2020) menyatakan bahawa kerjasama semua pihak sangat penting dalam mencegah penularan Covid 19 kerana masing-masing memainkan peranan sedaya mampu agar penyakit berbahaya ini dapat diatasi. Ianya seiring dengan firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٧١

Maksudnya: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.

Hikmah seterusnya ialah norma baharu dalam proses interaksi sosial terutama dalam pendidikan, pekerjaan, ibadat dan sebagainya. Interaksi sosial adalah hubungan antara individu satu dengan individu yang lain, yang

mempengaruhi atau sebaliknya, jadi adanya hubungan yang saling timbal balik di antara keduanya. Hubungan tersebut samada antara individu dengan individu, individu dengan kelompok, atau kelompok dengan kelompok (Siti Rahma Harahap, 2020).

Menurut KH. Lalu Gede Muhammad Zainuddin Atsani (2020) menyatakan bahawa dunia pendidikan dan lain-lain turut berubah dan berbeza dengan sebelum ini apabila guru dan murid berinteraksi secara atas talian samada melalui aplikasi Google Meet, Zoom, Facebook dan sebagainya bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Ini seiring dengan Hadis Nabi SAW:

Maksudnya: "Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke Syurga." (Riwayat Muslim)

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, agama Islam ialah agama yang sempurna merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Perihal wujudnya penyakit berjangkit seperti Covid 19 ini bukanlah perkara baru kerana Islam telah mendatangkan dalil, langkah pencegahan dan menerangkan juga kesan serta hikmah di atas segala musibah sepertimana penyakit merbahaya ini. Justeru itu, kerjasama antara pemerintah dan rakyat memainkan peranan penting dalam mengekang penyebaran sesuatu wabak. Dalil-dalil yang didatangkan perlu dihayati maknanya dan diambil ibrah daripadanya sebagai rujukan dan panduan dalam mendepani isu-isu kesihatan pada masa kini. Para fuqaha' juga telah mengeluarkan hukum syarie yang jelas melalui pengeluaran hukum- hakam yang melibatkan isu wabak samada menerusi langkah pencegahan, kesan mahupun hikmah terhadap ujian yang berat ini.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Asy'ari, R. (2020). *Covid 19 Dan Bentuk Partisipasi Dalam Memerangnya*, Makalah Bahasa Indonesia, Universitas Negeri Surabaya.

Chairul Iksan Burhanuddin, Muhammad Nur Abdi. (2020). *Ancaman Krisis Ekonomi Global Dari Dampak Penyebaran Virus Corona (Covid-19)*. AkMen. Volume 17 Nomor 1 Maret 2020: 90.

Ghani, F. A. (2020). Impak psikologi akibat wabak Covid-19, Astro Awani, 14 Mac 2020, retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/impak-psikologi-akibatwabak-covid-19-233648>

Ilyas Rifa'il, Ferli Septi Irwansyah, Mar'atus Sholihah, Astri Yulawati. (2020). *Dampak dan Pencegahan Wabah Covid-19 : Perspektif Sains dan Islam*. UIN Sunan Gunung Djati Bandung

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020). *Tips Menghadapi COVID 19: Panduan Menurut Perspektif Islam*. JAKIM: Putrajaya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Survei Khas Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

KH. Lalu Gede Muhammad Zainuddin Atsani, (2020), *Transformasi Media Pembelajaran Pada Masa Pandemi Covid 19*. Jurnal Study Islam: al-Hikmah, Volume 1, Nombor 1 Tahun 2020, Terbitan Januari-Maret, 82-93.

Muhammad Mukhlis & Zulkifli Yusoff, (2015), *Kajian Al-Hadis*. Centre Of Quranic Research: Kuala Lumpur.

Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qusyayri Abu al-Hasan, (1987M/1407H), *Sahih Muslim*. Dar al-Rayyan li al-Turath: Kaherah.

Nurul Adila. (2020). *Pemegang Taruh*. 75

Nurul Adilah Hasbullah & Asmak Ab Rahman. (2020). *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, Vol. 17, Special Issues 2020, 71-89

Saari, M. Y. (2020). Fahami cara covid-19 beri impak kepada rakyat dan ekonomi, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, UPM.

Siti Rahma Harahap, 2020, *Proses Interaksi Sosial Di Tengah Pandemi Virus COVID 19*. Al-Hikmah: Media

Dakwah, Komunikasi, Sosial dan Budaya, Volume 1 Noor 1 (2020), h 45-53.

Titik Respati dan Hilmi Sulaiman Rathomi, (2020), *Bunga Rampai Artikel Penyakit Virus Korona (COVID 19)*, Fakultas Kedokteran Universitas Islam Bandung, Jawa Barat: Pusat Penerbitan Universitas (P2U) Unisba.

World Health Organisation.

Internet

Bayan Linnas Siri Ke-225: Covid 19: Fatwa-Fatwa Terkini Berkaitan Penangguhan Solat Jumaat Dan Solat Berjemaah

Hikmah Di Sebalik Covid 19 Air Sungai Perairan Negara Kini Lebih Bersih Dan Jernih. Retrived from <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/04/25/hikmah-di-sebalik-Covid-19-air-sungai-perairan-negara-kini-lebih-bersih-dan-jernih>

Maqasid Syariah Jadi Panduan Cegah Penularan Wabak. Retrived from https://pnc.upm.edu.my/artikel/maqasid_syariah_jadi_panduan_cegah_penularan_wabak-56878

Memahami Hadis Pahala Syahid Duduk Di Rumah Semasa Wabak 2. Retrived from <https://mufti.perlis.gov.my/index.php/minda-mufti/285-memahami-Hadis-pahala-syahid-duduk-di-rumah-semasa-wabak-2>